



**MENTERI HAL EHWAL EKONOMI  
MALAYSIA**

**KENYATAAN MEDIA**

**EKONOMI MALAYSIA PADA TAHUN 2020**

Dalam menuju ke arah tahun akhir Wawasan 2020, Kerajaan yakin ekonomi Malaysia akan mencapai pertumbuhan yang kukuh dan mampan sebanyak 4.8% pada tahun 2020 berikutan asas ekonomi makro yang masih teguh, struktur ekonomi dan eksport yang pelbagai, pasaran buruh yang menggalakkan, inflasi yang rendah dan stabil, sektor kewangan yang mempunyai permodalan yang kukuh dan lebih akaun semasa imbalan pembayaran yang lebih mampan.

Tinjauan ini lebih tinggi berbanding anggaran oleh Tabung Kewangan Antarabangsa sebanyak 4.4% dan Bank Dunia sebanyak 4.5% memandangkan Kerajaan terus komited untuk melaksanakan pembangunan berdasarkan keutamaan yang ditetapkan.

Sebanyak RM56 bilion telah diperuntukkan bagi tahun 2020 untuk membiayai 5,466 projek pembangunan bertujuan menyokong momentum pertumbuhan dan mengukuhkan kapasiti ekonomi jangka masa panjang. Daripada jumlah ini, sebanyak RM53.5 bilion diperuntukkan kepada 4,744 projek sambungan manakala RM2.8 bilion untuk 722 projek baharu.

Dalam tempoh sedekad akan datang, Kerajaan memberi lebih penekanan untuk menstrukturkan semula ekonomi dengan membangunkan kawasan ekonomi baharu bagi memacu ekonomi dan mewujudkan peluang perniagaan serta pekerjaan bergaji tinggi, sejajar dengan matlamat Wawasan Kemakmuran Bersama 2030.

Penstrukturan semula ekonomi ini penting bagi memastikan pembangunan sosioekonomi yang inklusif, mampan dan bermakna dalam menyediakan taraf hidup yang wajar untuk semua rakyat Malaysia. Usaha ini akan dilaksanakan melalui Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025 dan Rancangan Malaysia Ketiga Belas, 2026-2030.

Kerajaan sentiasa bersiap siaga dan menumpukan usaha untuk menyegerakan pengukuhan daya tahan negara serta melaksanakan reformasi struktur bagi meningkatkan pertumbuhan jangka sederhana. Oleh itu, potensi pertumbuhan negara akan dioptimumkan dengan mengukuhkan produktiviti dan inovasi sebagai pemangkin pertumbuhan. Penekanan akan diberi untuk memperkasakan sektor pembuatan bagi menghasilkan lebih banyak produk yang berkualiti tinggi, pelbagai dan kompleks. Dalam hal ini, tumpuan akan diberi untuk mengukuhkan sektor yang mempunyai potensi pertumbuhan yang tinggi seperti aeroangkasa, peralatan perubatan, E&E, jentera dan peralatan serta kimia dan produk kimia. Selain itu, pembangunan dan pemodenan industri berasaskan sumber melalui inisiatif penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan dan inovasi juga akan diberi keutamaan.

Dalam berhadapan dengan ketidaktentuan persekitaran luaran, Kerajaan akan meningkatkan usaha untuk memperkukuh daya tahan dan meningkatkan sumber pertumbuhan dalaman, dengan permintaan domestik kekal sebagai pemacu utama pertumbuhan pada tahun 2020, disokong oleh pengembangan berterusan aktiviti sektor swasta.

Di samping itu, perbelanjaan isi rumah akan terus disokong oleh pertumbuhan upah dan prospek pekerjaan yang menggalakkan, selaras dengan inisiatif Malaysia@Work yang diumumkan dalam Belanjawan 2020 dengan jumlah peruntukan sebanyak RM6.5 bilion untuk tempoh lima tahun akan datang. Inisiatif ini bertujuan mewujudkan peluang pekerjaan yang lebih baik untuk belia dan wanita, sekaligus mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing berkemahiran rendah.

Semakan semula bagi meningkatkan gaji minimum kepada RM1,200 sebulan mulai 1 Januari 2020 di 57 bandar raya dan majlis perbandaran di seluruh Malaysia, serta program pemberian tunai, pembayaran balik cukai pendapatan dan pengurangan kos pinjaman juga dijangka menggalakkan lagi perbelanjaan isi rumah.

Dalam memastikan pembangunan ekonomi tidak tertumpu secara geografi, Kerajaan akan merancang aktiviti ekonomi di lokasi terpilih berdasarkan kekuatan dan keunikan setiap kawasan. Dalam hal ini, 15 Aktiviti Pertumbuhan Ekonomi Utama (KEGA) telah dikenal pasti sebagai sumber pertumbuhan baharu, antara lain termasuk Hub Kewangan Islam 2.0; Komoditi Malaysia 2.0; pertanian pintar dan bernilai tinggi; industri kandungan, animasi dan digitalisasi; serta pembuatan, bekalan dan perkhidmatan yang berkaitan dengan Revolusi Perindustrian Keempat.

Bagi menambah baik keseimbangan wilayah, sebanyak RM1.1 bilion telah diperuntukkan dalam Belanjawan 2020 bagi memacu pembangunan koridor ekonomi wilayah. Antaranya termasuk Taman Industri Lembah Chuping di Perlis (RM50 juta), Pelabuhan Kuantan di Pahang (RM69.5 juta), Pusat Rawatan Kumbahan Sungai Segget di Johor (RM42 juta), Taman Industri Samalaju di Sarawak (RM55 juta), dan Presint Industri-Agro Sabah (RM20 juta).

Pelaburan swasta juga akan dipergiatkan melalui insentif yang lebih berkesan, strategi promosi yang diselaraskan dengan lebih baik dan persekitaran perniagaan yang lebih kondusif. Kerajaan juga telah menyediakan pakej galakan pelaburan istimewa (*customised*) bernilai sehingga RM1 bilion setahun untuk tempoh lima tahun sebagai sebahagian daripada langkah strategik untuk menarik syarikat Fortune 500 dan *global unicorns* dalam sektor berteknologi tinggi. Sebagai syarat kelayakan, setiap syarikat perlu melabur sekurang-kurangnya RM5 bilion di Malaysia yang akan menjana aktiviti ekonomi tambahan dan mewujudkan 150,000 pekerjaan berkualiti tinggi dalam tempoh lima tahun akan datang serta mengukuhkan ekosistem pembuatan dan perkhidmatan.

Dalam tempoh sembilan bulan pertama tahun 2019, sebanyak RM149 bilion pelaburan asing dan domestik telah diluluskan. Berdasarkan kepentingan projek infrastruktur bagi menambah baik rangkaian bekalan serta pergerakan manusia dan barangan, beberapa projek strategik akan diteruskan dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas seperti Lebuhraya Pan Borneo, East Coast Rail Link, Bandar Malaysia dan Projek Landasan Berkembar Elektrik Gemas-Johor Bahru.

Bagi mempercepatkan ekonomi digital dan meningkatkan daya saing, Kerajaan telah berjaya mengurangkan harga jalur lebar sebanyak 49 peratus dan akan melaksanakan Pelan Gantian Optik dan Kesalinghubungan Negara (NFCP) dalam tempoh lima tahun akan datang. Insentif cukai juga akan disediakan bagi menggalakkan lagi aktiviti bernilai ditambah yang tinggi dan meningkatkan produktiviti bagi peralihan ke arah ekonomi digital 5G dan Industri 4.0.

Kerajaan juga menyediakan pakej insentif komprehensif untuk PKS bagi meningkatkan sumbangannya kepada ekonomi dan memudahkan PKS mengakses pembiayaan. Kerajaan akan terus menyediakan peruntukan tambahan sebanyak RM50 juta kepada My Co-Investment Fund (MyCIF) di bawah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia untuk memanfaatkan platform seperti ini kepada PKS yang sukar mendapat akses pembiayaan. Di samping itu, Kerajaan akan menyediakan geran padanan 50% sehingga RM5,000 setiap syarikat untuk mengguna pakai pendigitalan dalam operasi perniagaan, termasuk Sistem Jualan Elektronik (e-POS), Perencanaan Sumber Daya Perusahaan (ERP) dan Sistem Pembayaran Gaji Elektronik. Geran padanan ini bernilai RM500 juta untuk tempoh selama lima tahun, dan dihadkan kepada 100,000 PKS pertama yang memohon untuk menaik taraf sistem mereka.

Dari segi hubungan luar pula, Malaysia akan terus mengamalkan dasar perdagangan dan pelaburan terbuka, terutamanya untuk memperkukuh integrasi bersama ASEAN bagi memanfaatkan saiz penduduk yang besar melebihi 600 juta orang. Penganjuran Sidang Kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (APEC) dan Tahun Melawat Malaysia pada tahun 2020 akan menjadi pemangkin pertumbuhan, terutamanya bagi industri pelancongan.

Dalam konteks jaringan ekonomi global yang semakin meluas, Malaysia akan terus memanfaatkan kepelbagaian budaya yang dimiliki untuk meningkatkan kelebihan daya saing. Dalam hal ini, Malaysia berjaya menganjurkan Sidang Kemuncak Kuala Lumpur (KL Summit) yang telah memuktamadkan 18 perjanjian. Pemimpin dari pelbagai negara Islam bersetuju untuk menyalurkan lebih banyak pelaburan langsung ke arah pembangunan ekonomi mereka.

Semasa Sidang Kemuncak KL tersebut, pelbagai kerjasama baharu dijalin meliputi bidang media, pusat kecemerlangan, pertukaran belia, pertahanan dan keselamatan serta jaminan makanan. Antara perjanjian yang dimuktamadkan adalah antara FELCRA Berhad dan pemilik ternakan dan tenusu terbesar Qatar, Baladna Food Industries, untuk menjalinkan usaha sama berskala besar projek tenusu bagi mengukuhkan jaminan makanan negara. Selain itu, terdapat juga pertukaran dokumen yang melibatkan pengeluar komponen aeroangkasa Composites Technology Research Malaysia Sdn Bhd (CTRM) dan Turkish Aerospace Industries (TAI).

Inisiatif yang dilaksanakan oleh Kerajaan untuk meningkatkan daya tahan dan memacu sumber pertumbuhan dalaman, di samping harga komoditi yang lebih baik dan nilai ringgit yang stabil akan mendorong peningkatan prospek ekonomi Malaysia. Inisiatif dasar yang berterusan ini akan mengukuhkan lagi asas ekonomi Malaysia dan terus menyokong nilai ringgit pada masa hadapan.

Kerajaan akan terus memastikan bahawa usaha bersepadu dilaksanakan untuk mendorong Malaysia ke arah mencapai pertumbuhan yang lebih mampan dan saksama sejajar dengan agenda kemakmuran bersama.

**DATO' SERI MOHAMED AZMIN ALI**  
**Menteri Hal Ehwal Ekonomi**  
**Malaysia**

**26 Disember 2019**